

JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

3757/1

EKONOMI ASAS

Kertas 1

Sept./Okt.

1½ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1 Manakah antara yang berikut merupakan barang awam?

- A Polis Diraja Malaysia
- B Syarikat kawalan keselamatan
- C Syarikat Teksi Satu Malaysia
- D Tadika Anak Ceria

2 Maklumat berikut berkaitan dengan motif pengeluaran sebuah firma.

- Output maksimum
- Kos minimum

Apakah masalah asas ekonomi yang boleh dikaitkan dengan motif tersebut?

- A Apa barang yang hendak dikeluarkan
- B Berapa banyak barang hendak dikeluarkan
- C Bagaimana barang tersebut hendak dikeluarkan
- D Untuk siapa barang tersebut hendak dikeluarkan

3 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat XYZ.

Syarikat XYZ telah menetapkan harga kereta PW ialah RM65 000 dan menawarkan 8 000 unit sebulan untuk memenuhi permintaan pasaran.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh firma tersebut?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Berapa hendak dikeluarkan
- III Bagaimana hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 4 Pasangan yang manakah benar tentang cara penyelesaian masalah asas ekonomi bagaimana hendak dikeluarkan dalam sistem ekonomi kapitalis dan perancangan pusat?

	Kapitalis	Perancangan Pusat
A	Ditentukan oleh swasta berdasarkan agihan pendapatan dan kuasa beli	Kerajaan menetapkan corak agihan pendapatan untuk golongan miskin
B	Ditentukan oleh swasta berdasarkan keuntungan maksimum	Kerajaan mengutamakan kebijakan maksimum semua rakyat
C	Ditentukan oleh swasta berdasarkan permintaan pasaran	Kerajaan dan swasta bekerjasama untuk kebijakan maksimum rakyat
D	Ditentukan melalui mekanisma harga	Kerajaan mengeluarkan barang awam

- 5 Pasangan yang manakah benar?

	Pekerjaan	Sektor Ekonomi
A	Doktor	Sektor ketiga
B	Penyanyi	Sektor kedua
C	Kontraktor rumah	Sektor utama
D	Pentermak udang	Sektor kedua

- 6 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kelebihan individu bekerja dengan orang lain?

- I Risiko kerugian boleh dipindah kepada orang lain
 - II Masa bekerja yang fleksibel
 - III Kebebasan membuat keputusan
 - IV Modal tidak diperlukan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 7 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kepentingan individu menyediakan belanjawan peribadi?

- A Mengutamakan barang kehendak
 B Merancang untuk membuat pelaburan
 C Membuat perbelanjaan berdasarkan pendapatan
 D Memperolehi keuntungan maksimum

8 Antara yang berikut, yang manakah boleh dianggap sebagai melakukan pelaburan?

- I En. Halim membeli getah untuk kilang kasutnya
 - II Pn. Hasnah membeli saham amanah 1 Malaysia
 - III Pn. Rohani menambahkan wangnya dalam akaun pelaburan al Wadiah
 - IV Syarikat ABC Berhad membina projek perumahan mewah
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV


9 Antara yang berikut, yang manakah contoh barang pengganti?

- A Pen dan dakwat
- B Kereta dan petrol
- C Kasut dan stokin
- D Kaset dan cakera padat

10 Apakah peranan isi rumah dalam ekonomi?

- A Membekalkan barang dan perkhidmatan
- B Menerima pulangan dalam bentuk keuntungan
- C Membelanjakan pendapatan untuk memperolehi barang
- D Menguruskan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang

11 Rajah 1 menunjukkan perubahan keluk permintaan terhadap motosikal import.



Apakah faktor yang menyebabkan peralihan keluk permintaan dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Harga motosikal tempatan meningkat
- B Harga motosikal import dijangka naik pada masa depan
- C Peningkatan cukai pendapatan individu
- D Penurunan harga petrol

12 Pernyataan yang manakah menerangkan konsep keanjalan harga permintaan?

- A Mengukur peratus perubahan harga sebagai tindak balas daripada perubahan dalam pendapatan
- B Mengukur peratus perubahan kuantiti sebagai tindak balas daripada perubahan dalam pendapatan
- C Mengukur peratus perubahan harga sebagai tindak balas daripada peratus perubahan dalam kuantiti diminta
- D Mengukur peratus perubahan kuantiti diminta sebagai tindak balas peratus daripada perubahan dalam harga

13 Jadual 1 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti daging di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)
14	50
16	45
18	40

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga daging naik dari RM16 kepada RM18 sekilogram?

- A 0·4
- B 0·9
- C 1·0
- D 2·5

14 Apakah maksud firma?

- A Unit ekonomi yang merancang untuk meminimumkan kos pengeluaran
- B Unit ekonomi yang merancang untuk mendapatkan kebajikan maksimum
- C Unit ekonomi yang membekalkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
- D Unit ekonomi yang mengabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan

15 Maklumat berikut berkaitan dengan keluaran sebuah firma.

Keluaran purata pada input berubah ke 70 = 15 unit
Keluaran sut pada input berubah ke 71 = 78 unit

Berapakah jumlah keluaran pada input berubah ke 71 unit?

- A 378 unit
- B 972 unit
- C 1 050 unit
- D 1 128 unit

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

16 Maklumat berikut berkaitan kos dan keluaran sebuah firma.

- | | |
|-------------------|-----------|
| • Kos tetap | = RM1 500 |
| • Kos berubah | = RM3 000 |
| • Jumlah keluaran | = 20 unit |

Berapakah kos purata firma tersebut?

- A RM150
- B RM225
- C RM1 500
- D RM4 500

17 Jadual 2 menunjukkan penawaran komputer pada tahun 2005 dan 2006.

Tahun	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)
2005	2 500	20 000
2006	2 500	30 000

Jadual 2

Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan perubahan penawaran komputer pada tahun 2006 berbanding tahun 2005?

- I Kos bahan mentah meningkat
 - II Penggunaan teknologi terkini
 - III Matlamat firma untuk menguasai pasaran
 - IV Dasar kerajaan meningkatkan kadar cukai jualan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

18 Jadual 3 menunjukkan perubahan kuantiti yang ditawarkan dan perubahan harga bagi barang R dan barang S.

Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
R	25	15
S	12	12

Jadual 3

Apakah jenis pekali keanjalan harga penawaran bagi barang R dan barang S?


	Barang R	Barang S
A	Anjal	Anjal satu
B	Tidak anjal	Anjal
C	Anjal	Tidak anjal
D	Tidak anjal	Anjal satu

- 19 Maklumat berikut menunjukkan harga kasut ADIBAS di pasaran.

ADIBAS JUNIOR = RM120 sepasang
ADIBAS SENIOR = RM150 sepasang

Bagaimanakah harga kasut tersebut ditentukan?

- A Melalui kuasa permintaan pasaran
 B Melalui kuasa penawaran pasaran
 C Melalui kuasa pihak swasta dan kerajaan
 D Melalui kuasa permintaan dan penawaran
- 20 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan pasaran dan penawaran pasaran bagi barang X.




Rajah 2

Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan bagi barang tersebut?

	Harga (RM)	Kuantiti (unit)
A	6	22
B	8	26
C	10	24
D	12	20

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

21 Rajah 3 menunjukkan keseimbangan pasaran bagi telefon bimbit model CRX.



Rajah 3

Apakah kesan ke atas pasaran jika harga seunit telefon bimbit ialah RM400?

- A Lebihan penawaran sebanyak 900 unit
- B Lebihan permintaan sebanyak 600 unit
- C Lebihan penawaran sebanyak 600 unit
- D Lebihan permintaan sebanyak 300 unit


22 Maklumat berikut berkaitan dengan penentu penawaran ikan.

Musim tengkujuh melanda Pantai Timur Semenanjung selama dua bulan.

Apakah kesan ke atas pasaran ikan?

- A Penawaran ikan menurun
- B Permintaan ikan menurun
- C Penawaran ikan meningkat
- D Permintaan ikan meningkat

23 Rajah 4 menunjukkan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.



Rajah 4

Pasangan manakah benar tentang aliran A dan aliran B?

	Aliran A	Aliran B
A	Pemandu teksi	Untung
B	Novel	Penulis
C	Jurujual	Komputer
D	Makanan	Tukang Masak

24 Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri wang?

- I Diterima umum
 - II Unit ukuran nilai
 - III Alat perantaraan pertukaran
 - IV Penawaran terhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

25 Gambar 1 menunjukkan iklan jualan rumah.



Gambar 1

Apakah fungsi wang dalam iklan tersebut?

- A Alat simpanan nilai dan alat ukuran nilai
- B Alat bayaran tertunda dan alat pertukaran
- C Alat ukuran nilai dan alat bayaran tertunda
- D Alat perantaraan pertukaran dan alat simpanan nilai

26 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kemudahan pinjaman yang disediakan oleh bank perdagangan?

- A Overdraft
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

27 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan fungsi institusi kewangan bukan bank?

- A Menerima deposit tabungan, tetap dan semasa
- B Menyediakan sumber dana kepada pasaran modal negara
- C Membantu pelanggan membuat dan menerima bayaran
- D Memberi perkhidmatan nasihat kewangan

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

28 Maklumat berikut berkaitan dengan satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.

- Penawaran wang meningkat
- Harga barang melambung tinggi

Apakah tindakan yang perlu diambil oleh bank pusat untuk mengawal keadaan tersebut?

- A Meningkatkan kadar faedah pinjaman
 B Melonggarkan syarat sewa beli
 C Menurunkan nisbah rizab tunai
 D Menjual surat jaminan kerajaan

29 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan sektor utama.

Pergantungan kepada sektor utama menyebabkan ekonomi negara terdedah kepada turun naik harga komoditi di pasaran dunia.

Mengapakah wujud keadaan sedemikian?

- A Penawaran komoditi anjal
 B Permintaan komoditi anjal
 C Penawaran komoditi tidak anjal
 D Permintaan komoditi tidak anjal

30 Pasangan manakah benar tentang hasil cukai kerajaan?

	Cukai Langsung	Cukai Tidak Langsung
A	Cukai pendapatan petroleum	Duti setem
B	Cukai pendapatan syarikat	Duti eksport
C	Cukai pendapatan individu	Cukai tanah
D	Cukai perkhidmatan	Cukai jualan

31 Pernyataan yang manakah merupakan komponen perbelanjaan pembangunan kerajaan?

- A Projek perumahan angkatan tentera
 B Baik pulih dewan orang ramai
 C Bayar gaji anggota polis
 D Subsidi kepada petani

32 Antara yang berikut, yang manakah merupakan sumber pinjaman luar negara?

- A Surat jaminan kerajaan
 B Bil perpendaharaan
 C Kredit pembekal
 D Sijil pelaburan

33 Pernyataan yang manakah merupakan eksport barang nampak Malaysia?

- A Rakyat Korea Selatan menaiki kapal terbang MAS ke Malaysia
- B Malaysia membeli kapal terbang dari Amerika Syarikat
- C Rakyat Malaysia menerima dividen dari Hong Kong
- D Malaysia menjual gas asli cecair ke Jepun

34 Tindakan yang manakah boleh membaiki imbalan dagangan Malaysia?

- A Kerajaan menggalakkan pelaburan asing dalam negara
- B Kerajaan menggalakkan promosi industri pelancongan ke luar negara
- C Kerajaan menggalakkan perkhidmatan insurans ke luar negara
- D Kerajaan menggalakkan eksport tekstil ke luar negara

35 Apakah kepentingan mata wang asing kepada sesebuah negara?

- A Membayar pembelian dari negara luar
- B Menjual barang keluaran tempatan ke luar negara
- C Menjelas hutang kerajaan kepada institusi kewangan tempatan
- D Membayar kepada pelabur asing yang menjalankan projek dalam negara

36 Apakah kesan ke atas eksport dan import negara apabila nilai Ringgit Malaysia merosot?

- I Harga eksport naik
- II Harga import turun
- III Jumlah eksport naik
- IV Jumlah import turun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37 Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti dalam perdagangan antarabangsa.

Marina ingin melancong ke Amerika Syarikat. Sebuah agensi pelancongan menawarkan pakej untuk 3 hari pada harga USD9 500.

Berapakah nilai pakej tersebut dalam Ringgit Malaysia, jika kadar pertukaran antara Dolar Amerika dan Ringgit Malaysia adalah USD1·00 = RM3·60?

- A RM34 200·00
- B RM28 500·00
- C RM3 166·70
- D RM2 638·89

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 38 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 38 I Kehendak individu sukar dipenuhi kerana pendapatan adalah terhad.
 II Kehendak membolehkan individu meneruskan kehidupan dengan lebih selesa.
- 39 I Imbangan dagangan merupakan perbezaan antara jumlah nilai eksport nampak dengan jumlah nilai import nampak.
 II Imbangan dagangan positif berlaku apabila jumlah nilai import lebih daripada jumlah nilai eksport.
- 40 I Kadar pertukaran asing merupakan nilai mata wang sesebuah negara dalam sebutan mata wang negara lain.
 II Kadar pertukaran asing sesebuah negara akan ditentukan oleh permintaan mata wang negara tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT